

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK RAMLI BIN MAHMOOD  
PERUBATAN TRADISIONAL : MAIN PETERI

ENGKU SHAMIMIE SYAHIRA BINTI ENGKU KAMARUDDIN  
2015182731  
NOOR IZZATI BINTI MADELI  
2015141479

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
UiTM CAWANGAN KELANTAN

## ISI KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1.	Abstrak	1
2.	Latar Belakang Tokoh	2
3.	Pengenalan	3 - 6
4.	Kajian Literatur	7 - 10
5.	Transkrip Temubual	11 - 77
6.	Rujukan	78
7.	Log Temubual	79 - 84
8.	Diari Kajian	85 - 93
9.	Soalan Temuduga	94 - 101
10.	Gambar Bersama Tokoh	102
11.	Indek	103

# **PERUBATAN TRADISIONAL: MAIN PETERI**

## **ABSTRAK**

*Main peteri merupakan salah satu daripada perubatan tradisional yang masih diteruskan tetapi sudah menghampiri kepupusan. Tetapi main peteri ini masih menjadi salah satu pilihan masyarakat setempat untuk mengubati pelbagai penyakit khususnya penyakit yang tidak dapat di sembuhkan di hospital. Misalnya penyakit terkena buatan orang dan penyakit-penyakit angin. Contohnya seperti angin pendekar, angin bidan. Angin Kechik Dewa Muda dan lain-lain lagi. Satu lokasi yang masih bergeriat aktif dengan cara perubatan tradisional ini ialah di Pasir Mas, Kelantan. Kajian di laman sesawang dan temubual bersama tokoh dalam perubatan tradisional iaitu Ramlil bin Mahmood yang lebih lebih mesra kami panggil sebagai Pokli. Pokli juga dikenali oleh orang kampung dengan panggilan Li Bomoh. Ini adalah kerana Pokli merupakan tok teri bagi kumpulan teri di Pasir Mas, Kelantan. Melalui kajian yang telah kami lakukan, kami telah dapat beberapa maklumat tentang perubatan tradisional ini. Seperti asal usul main peteri ini, penyakit yang boleh diubati jenis alatan muzik yang digunakan dan peringkat-peringkat yang terlibat semasa main peteri berlangsung.*

**Kata kunci :** main teri, alatan muzik, jenis penyakit, peringkat main teri

## **BIODATA TOKOH**



Nama penuh	Ramli bin Mahmood
Nama panggilan	Li Bomoh
Tarikh lahir	23 Mei 1968
Tempat lahir	Kelantan
Umur	49 tahun`
Alamat	17000 Pasir Mas, Kelantan
Pangkat	Tok Teri

## PENGENALAN

Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Di negeri Kelantan terdapat banyak cerita rakyat yang boleh diambil iktibarnya. Pengajaran yang terkandung dalam cerita rakyat negeri Kelantan boleh di ambil untuk menjalani kehidupan di muka bumi ini. Cerita rakyat di negeri Kelantan begitu banyak seperti Puteri Saadong, Long Ghaffar, Tok Kenali, Tok Janggut, Gunung Chintawangsa, Cik Siti Wan Kembang dan pelbagai lagi. Permainan tradisional jugak boleh diambil kira sebagai cerita rakyat negeri Kelantan. Contohnya seperti gasing, wau, wayang kulit dan banyak lagi. Di negeri Kelantan juga mempunyai satu cara perubatan tradisional yang masih kekal sehingga sekarang iaitu main peteri.

Main Teri merupakan salah satu perubatan tradisi yang amat popular dan diamalkan oleh masyarakat Melayu Kelantan-Pattani sejak beberapa abad yang lampau. Di kalangan Tok Teri (Ketua kepada kumpulan Main Teri) sendiri terdapat beberapa pandangan yang berbeza mengenai sejarah dan asal-usul Main Teri. Ada yang menganggap Main Teri telah bermula sejak zaman cucunda Nabi, iaitu Hassan dan Hussein dan perkataan 'Teri' itu dirujuk kepada puteri nabi, Siti Fatimah. Terdapat juga Tok Teri yang menghubungkan Main Puteri dengan Puteri Saadong, seorang tokoh legenda dalam tradisi lisan rakyat Kelantan. Pandangan yang lain pula merujuk kepada kuih puteri mandi, kerana kuih itu disediakan sebelum upacara Main Teri dilangsungkan. Manakala pendapat yang lain lagi menghubungkan Main Teri dengan hubungan jiwa dan rosak, iaitu tradisi perubatan untuk mematerikan iaitu menyatukan roh dan jiwa yang sakit.

Perubatan yang dimaksudkan disini ialah proses pengubatan yang melibatkan penggunaan bahan-bahan untuk mengubati penyakit. Perubatan tradisional pula merupakan cara atau bentuk pengubatan yang diwarisi daripada generasi lalu yang masih diwarisi sampai kini. Oleh yang demikian, perubatan itu melibatkan orang yang akan mengubati dan pesakit yang mengharapkan sesuatu penyembuhan daripada pengubatan tadi.

Cara perubatan tradisional Melayu mempunyai hubungan dengan budaya masyarakat itu sendiri. Justeru itu institusi perubatan tradisional dikatakan mempunyai hubungan dengan sistem kepercayaan masyarakat. Anggota masyarakat mempercayai sesuatu penyakit itu adalah disebabkan oleh kuasa-kuasa ghaib seperti hantu, jembalang, jin, iblis, penunggu dan sebagainya. Mereka mempercayai penyakit itu hanya dapat diubati oleh orang-orang tertentu yang mempunyai hubungan langsung dengan makhluk ini seperti tok bomoh dan tok peteri.

Dalam perubatan tradisi Main Teri terdapat gabungan antara unsur Islam dengan unsur magis dan ritual. Selepas sahaja upacara 'baca kenduri' yang sebutan bacaannya bercampur antara ayat-ayat al-Quran dengan jampi dan mantera, Tok Teri akan tampil di depan para pemuzik dan pesakit yang akan diubati. Khalayak akan menyaksikan upacara menurun yang benar-benar terjadi di hadapan mereka. Pesakit akan diseru dan dibangkitkan angin dari dalam dirinya dan angin sakit itu akan dipindahkan ke dalam diri Tok Teri yang bertindak sebagai pengantara. Tok Teri akan bersoal jawab dengan Tok Minduk. Melalui soal jawab antara Tok Teri dengan Tok Minduk inilah rahsia penyakit yang dideritai oleh pesakit akan diketahui.

Semasa proses perubatan ini Tok Teri akan berubah-rubah perwatakannya, seperti menjadi orang cacat, bercakap sengau, menjadi bengis dan garang, menjadi budak terencat akal, menjadi orang tua nyanyuk dan pelbagai watak lain untuk menceritakan kekusutan jiwa pesakit. Pada bahagian ini khalayak dapat menyaksikan bagaimana aspek lakonan terbentuk semasa Main Teri dan karakter-karakter ini pasti mencuit hati sehingga mencetuskan gelak-ketawa. Tok Teri akan meminta pemuzik yang mengiring memainkan pelbagai lagu mengikut jiwa pesakit. Elemen muzik dan unsur nyanyian ini menuntut keupayaan Tok Teri bagi mengalunkan pelbagai lagu dan rentak.

Lagu-lagu itu seperti lagu paluan bertabuh dalam wayang kulit, kemudian beralih kepada lagu dalam makyung sekiranya pesakit ada kaitan penyakitnya dengan angin Dewa Muda. Pada masa dulu dikatakan lebih 50 buah lagu dalam Main Teri, namun hari ini, tidak sampai 10 buah lagu 'gerak teri' yang masih dimainkan. Antara lagu-lagu yang lazim dinyanyikan adalah Kijang Mas, Lagu Mengulit, Lagu Pendekar, Lagu Cik Muda, Lagu Menora, Lagu Cik Kojo dan Lagu Abe. Semasa proses perubatan dengan bacaan jampi dan mantera, bertih iaitu padi yang dibakar atau goreng, dan beras kunyit akan ditaburkan kepada sekeliling bangsal tempat persembahan. Tok Teri akan menjadi lupa melalui proses 'menurun' yang dilakukan dengan irungan muzik oleh awak-awak atau disebut juga sebagai panjak. Gelangan kepala Tok Teri akan semakin kuat pusingannya mengikut rentak muzik yang dimainkan oleh para panjak. Ketika inilah pesakit yang sedang berlunjur atau terbaring itu akan bangun menari mengikut paluan muzik oleh panjak-panjak.

Sekiranya pesakit mempunyai angin pendekar, dia akan bersilat dengan Tok Teri. Sekiranya dia memiliki angin bertumbuk (tomoi) dia akan mengajak untuk bertomoi dengan Tok Teri. Tok Teri kebiasaan akan melayan pesakit mengikut angin pesakit. Dalam Main Teri, alat muzik yang digunakan seperti rebab, serunai, tetawak, gendang, geduk, canang dan juga kesi. Alat-alat muzik ini akan berada di hadapan Tok Teri yang berdepan dengan Tok Minduk. Tok Minduk pula akan berada pada satu tempat secara statik dengan alatan muzik di sebelah kanannya. Sekiranya Tok Minduk memiliki kemahiran sebagai pemuzik, kebiasaannya dia akan bercakap sambil menggesek rebabnya.

Main Teri, walaupun satu kaedah perubatan tradisional, tetapi yang menariknya di dalam persembahan perubatan Main Teri terdapat unsur-unsur teater moden yang menggabungkan lakonan, nyanyian, tarian, mimos dan muzik.

Sebab itu juga Main Teri dianggap teras asal kepada segala bentuk persembahan tradisi Kelantan-Pattani seperti makyung, wayang kulit, dikir barat, bageh dan beberapa bentuk permainan tradisi yang lain.

Main Teri juga menghadapi cabaran 'pengharaman' kerana unsur-unsur bacaan jampi mantera banyak bertentangan dengan anutan akidah Islam.

Masa depan Main Teri sebenarnya sedang menuju ke hujungnya yang runcing. Hampir tidak ada generasi muda yang berminat untuk meneruskan tradisi ini sebagai mata pencarian.

## **KAJIAN LITERATUR**

Sejarah lisan menurut asosiasi, sejarah lisan adalah sebuah metode pengumpulan dan penyimpanan informasi kesejarahan. Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenangan-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Negeri Kelantan yang mempunyai seni budaya tradisional yang unik ini juga mempunyai sejarah persinggahsanaan yang menarik. Diriwayatkan dalam tahun 1411M (814H) di Kelantan, terdapat seorang Raja yang beragama Islam bernama Raja Kumar. Tetapi sehingga kini ahli-ahli sejarah masih belum dapat mengesani daripada manakah asalnya Raja Kumar ini. Walau bagaimanapun baginda Raja Kumar telah menjalankan hubungan muhibbah dengan Maharaja China, dan sebaliknya dalam tahun 1412M, baginda Raja Kumar telah menerima persembahan balas berupa kain-kain sutera dan surat kepujian daripada maharaja China itu.

Selepas pemerintahan Raja Kumar lahir pula pemerintahan Sultan Iskandar sehingga 1465M. Kemudian Negeri Kelantan diperintah pula oleh Putera Baginga Sultan Mansur. Dalam zaman pemerintahan Sultan Mansur, nama Negeri Kelantan telah menjadi masyhur sehingga ke negeri Melaka di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Shah. Pada 1477M, Raja Melaka ini telah menghantar bala tenteranya untuk menyerang Negeri Kelantan. Walau bagaimanapun ia berakhir dengan satu simpulan peristiwa yang menarik, iaitu baginda Sultan Mahmud Shah telah berkahwin dengan Puteri Sultan Mansur yang bernama Onang Kening, yang kemudian menjadi bonda kepada Raja Perak yang pertama, iaitu Sultan Muzaffar Shah (1528M).

Apabila Sultan Mansur Shah mangkat 1526M (928H), maka putera baginda, Raja Gombak ditabalkan menjadi Sultan dengan gelaran “Sultan Gombak”. Setelah baginda Raja Gombak mangkat, maka cucunda baginda yang telah dijadikan putera angkat, iaitu Raja Ahmad, ditabalkan menjadi Sultan Kelantan pada 1584M (992H). Dengan gelaran Sultan Ahmad, Baginda telah berkahwin dengan Cik Banun puteri Seri Nara D’Raja, iaitu sepupu kepada Raja Hussein di sebelah isteri Lela Wangsa Pahang. Baginda berdua telah dikurniakan seorang puteri dinamakan Cik Siti Wan Kembang.

Baginda Sultan Ahmad mangkat pada 1589M, sewaktu puteri baginda Cik Siti Wan Kembang berusia 4 tahun, dan oleh sebab itu Raja Hussein dari Johor telah dilantik menjadi Pemangku Raja Pemerintah Kelantan. Bila Raja Hussein mangkat pada 1610M (1018H), maka Cik Wan Kembang ditabalkan menjadi Raja Kelantan. Baginda bersemayam di Gunung Chinta Wangsa, Ulu Kelantan, kira-kira 40 kilometer ke arah Tenggara Kuala Krai. Pemerintahan Cik Siti Wan Kembang di Gunung Chinta Wangsa menjadi terkenal menyebabkan banyak dikunjungi oleh pedagang-pedagang dari dalam dan luar negeri termasuk juga orang-orang Arab yang mengelarkan Cik Wan kembang dengan panggilan “Paduka Cik Siti”. Baginda mempunyai seekor kijang yang kemudiannya menjadi lambang kebesaran negeri Kelantan.

Semasa dalam pemerintahan Cik Siti Wan Kembang, telah timbul sebuah lagi kerajaan berpusat di Jembal, di bawah pemerintahan Raja Sakti 1638M (1046H). Setelah Baginda mangkat, maka putera Baginda, Raja Loyor telah ditabalkan menjadi Raja pada 1649M (1059H). Baginda dianugerahkan dengan dua orang cahaya mata iaitu seorang putera, Raja Sakti yang mangkat sejak kecil lagi dan seorang puteri bernama Puteri Saadong. Hubungan baik telah terjalin di antara Kerajaan Cik Siti Wan Kembang dengan Kerajaan Loyor di Jembal. Baginda mengambil Puteri Saadong sebagai anak angkat yang akan mewarisi takhta kerajaan sepeninggalannya nanti.

Puteri Saadong seorang gadis ayu yang cantik dan jelita, digelar oleh penduduk Gunung Chinta Wangsa sebagai Puteri Wijaya Mala. Perihal kecantikan Puteri Saadong itu telah sampai kepada Maharaja Siam yang menghantar utusan untuk meminang Puteri Saadong,

tetapi ditolak. Puteri Saadong telah dikahwinkan dengan Raja Abdullah iaitu sepupunya, dan telah dimahkotakan di Kota Tegayong (Tanah Serendah Sekebun Bunga Cherang Tegayong) dan kemudiannya dipindahkan ke Kota Jelasin di Kota Mahligai. Puteri Saadong telah diculik oleh Penglima Tentera Siam bernama Phraya Decho dan dibawa kepada Narai Maharaja Siam (1656-1688), kerana kesetiaannya pada suami baginda tidak boleh disentuh oleh Maharaja Siam. Setelah Puteri Saadong kembali ke Kelantan telah berlaku pergaduhan dengan Raja Abdullah. Akibat pergaduhan itu Raja Abdullah terkorban kerana kena tikaman cucuk sanggul Puteri Saadong. Selepas kemangkatan Raja Abdullah, Puteri Saadong telah melantik Raja Abdul Rahim iaitu saudara raja Abdullah menjadi Sultan di Kota Mahligai pada 1671M (1082H) dan dikahwinkan dengan janda Raja Abdullah, anak Penghulu Ngah Jembal. Selepas itu Puteri Saadong menjadi Raja di Bukit Marak dan sejak itu kisahnya tidak dapat dikesan lagi.

Main Pateri merupakan salah satu upacara perubatan tradisional yang masih lagi diamalkan, iaitu sebuah *medico-theatrical-ritual*. Yang dimaksudkan *medico-theatrical-ritual* ialah persempahan ibarat sebuah drama yang berhubung kait dengan tujuan perubatan, iaitu untuk mengubati kekusutan jiwa atau pun penyakit psikosomatik. Antara penyakit yang diubati melalui upacara Main Pateri ini ialah penyakit yang disebabkan oleh rasukan makhluk halus, hilang semangat, ketidakseimbangan tenaga dalaman dan juga oleh gangguan angin atau juga dikenali sebagai perpindahan angin. Main Pateri juga dikenali dengan nama Main Teri. Main Puteri atau Main Peteri, pada masa dahulu, Main Pateri amat popular dalam kalangan masyarakat sebagai salah satu bentuk hiburan selain fungsinya sebagai rawatan penyakit (Jabatan Muzium Malaysia, 2013) yang pada berasal dari istana dan di bawah naungan raja. Kemudian, upacara ini tersebar dalam kalangan rakyat jelata bagi tujuan mengubati orang yang sakit yang berkaitan dengan jiwa, angin dan juga semangat. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang, Main Pateri diancam kepupusan akibat kebangkitan perubatan moden yang menyebabkan masyarakat tidak lagi atau kurang mempercayai perubatan alternatif. Selain itu, persempahan Main Pateri secara terbuka juga telah diharamkan oleh kerajaan Kelantan pada tahun 1991 kerana mempunyai elemen animism yang kuat.

Upacara ini diketuai oleh seorang bomoh yang dikenali dengan nama Bomoh Teri atau Tok Teri. Pembantu Tok Teri pula dikenali dengan nama Tok Minduk. Uniknya perubatan tradisional ini kerana adanya kumpulan muzik, iaitu awak-awak atau dikenali juga dengan panjak yang akan mengiringi Tok Teri semasa merawat pesakit. Alat muzik yang dimainkan bukan sekadar alat muzik biasa. Setiap pukulan peralatan muzik yang dibuat seperti pukulan gendang merupakan pukulan kepada penyakit supaya penyakit yang dihidapi hilang. Gesekan rebat pula menunjukkan panggilan yang dibuat kepada penawar penyakit. Selain itu, bantal turut digunakan dalam persembahan Main Pateri. Sebiji bantal akan diletakkan di hadapan Tok Minduk untuk menandakan sempadan kawasan antara Tok Minduk dan Tok Teri. Sempadan ini tidak boleh dilintasi oleh kedua-dua pihak kerana bantal yang digunakan menandakan batasan kuasa Tok Teri.

## TRANSKRIP TEMUBUAL

Pada tujuh [7] April, jam tiga [3] petang saya Engku Shamimie Syahira binti Engku Kamaruddin dan rakan saya Noor Izzati binti Madeli menemuramah seseorang yang berasal daripada Pasir Mas. Beliau ialah Encik Ramli bin Mahmood atau dengan lebih mesra kami menggelarnya sebagai Pokli. Pokli ialah seorang ahli dalam kumpulan main peteri. Beliau merupakan Tok Teri dalam kumpulannya itu. Kami telah menemuramah Pokli di rumah rakannya yang terletak di Pasir Mas, Kelantan. Temu bual kami ini adalah untuk memenuhi keperluan subjek IMR *enam kosong empat* [604], Sejarah Lisan. Berikut adalah hasil temuramah kami bersama Pokli.

Petunjuk:

RM: Ramli bin Mahmood (Pokli)  
SS: Engku Shamimie Syahira binti Engku Kamaruddin  
NIM: Noor Izzati binti Madeli

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) (Bunyi motosikal lalu) Ok Pokli, kita ada *empat* [4] bahagian. Ok mula-mula saya akan tanya *pasal* [tentang] latar belakang Pokli, nama, asal *pastu* [selepas itu,] kita akan tanya macam *detail* [lengkap] main peteri ini. Yang bahagian *ketiga* [ke-3] (suara rakan Pokli mencelah) untuk lagi *detail pasal* [lengkap tentang] sebelum, semasa dan selepas main peteri. (Bunyi motosikal lalu) Yang bahagian terakhir, kita akan teruskan dengan cabaran dan harapan lah. Ok. (Perbualan antara Pokli dan rakannya). Ok. Mula-mula saya *nak*

[hendak] tahu nama penuh Pokli. (Suara rakan Pokli mencelah untuk membantu Pokli memahami soalan) Ok Pokli boleh jawab terus. (Suara rakan Pokli mencelah untuk membantu Pokli memahami soalan) Haa boleh *jugok* [juga] sekali. Asal dia. (Suara rakan Pokli mencelah untuk membantu Pokli memahami soalan) (Pokli mengangguk tanda memahami soalan kawannya) *Lepas tu* [selepas itu] dengan gelaran orang kampung panggil apa. (Kawan Pokli mencelah kepada soalan yang di ajukan kepada Pokli) (ketawa) Boleh lah cerita nama..

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Nama saya Ramli Mahmood. Ramli bin Mahmood. Asal *Kampung Lubuk Tapah* [Kampung Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Itu dilahirkan. Dibesarkan (Pokli menjawab di pertengahan soalan) Nama gelaran tadi? Li?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) (Pokli mengiyakan tanda betul)

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Li bomoh. (Anggukan kepada Pokli tanda betul) (Suara rakan Pokli mencelah) Kenapa orang kampung panggil Pokli dengan Li bomoh?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Sebab *kito pasal* [saya memang] tok bomoh. (Pokli ketawa) Panggilan *dia* [dia] panggil Li *sajo dio ore tok kena* [sahaja orang tidak kenal]. *Gituh* [begitu]. (suara rakan Pokli mencelah) *pasa*

*rama Li kea* [sebab ramai Li kan]. Jadi *bilo* [bila] Li bomoh *takdop ore* [tiada orang] lain. *Kito sore jah* [saya seorang sahaja].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Tarikh lahir? (Suara rakan Pokli untuk membantu Pokli memahami soalan)

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Haa *tok* [tidak] ingat (Perbualan antara Pokli dan rakannya)

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Umur? (Rakan Pokli menjawab kepada soalan yang ditanya) Adakah Pokli sudah berkahwin?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Dulu* [pada masa dahulu].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Dulu* [pada masa dahulu] pernah. Nama bekas isteri kalau Pokli *tak kesah nak* [tidak mengapa hendak] cerita *sikit* [sedikit].

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Takkan takdop bare 20 taun lepah.* [dua puluh tahun yang lepas] (gelak tawa) (Perbualan antara Pokli dan rakannya)

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Ada anak?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Sore* [seorang].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Sore* [seorang].

**(Mengiyakan jawapan Pokli tadi) Lelaki ke perempuan?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Pue* [perempuan].

SS : **(Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Sekolah di mana?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Banggol Sto* [Banggol Sto, Pasir Mas, Kelantan] (Suara rakan Pokli mencelah)

SS : **(Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Sekarang Pokli tinggal dengan sape [siapa]?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Denge mok* [dengan emak].

SS : **(Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Boleh Pokli cakap nama ayah dengan ibu Pokli?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Halimah binti Yaacob.

SS : **(Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Ayah?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Mahmood bin Awang.

SS : **(Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Mereka berasal daripada mana ? Kampung sini *jugok* [juga]?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Sapo dio? Ayoh? [siapa dia? Ayah?]* (suara mengiyakan pertanyaan?) *Ayoh ore- Kapung Pauh* [ayah orang Kampung Pauh, Pasir Mas, Kelantan]. (Perbualan Pokli dan rakannya)

- SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Emak?
- RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Haa mok ore Lubuk Tapah. [emak orang Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan]
- SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) (Bunyi helaian kertas di selak) Pekerjaan ibu dan ayah Pokli?
- RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Tok kijo doh [sudah tidak bekerja] (bunyi mengiyakan jawapan Pokli) (anggukan kepala Pokli) Ayoh takdop doh [ayah sudah meninggal]. Ayoh [ayah] mati lamo doh [sudah lama].
- SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Pokli ada berapa orang adik beradik?
- RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Tigo [3 orang adik beradik].
- SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Anak yang ke?
- RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Bongsu. (Sambil menganggukan kepala Pokli)
- SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Selain Pokli, (anggukan kepala Pokli) adik beradik Pokli ada jugok tak [juga atau tidak] (suara Pokli mencelah untuk menjawab soalan) yang terlibat dengan ini? (suara Pokli mencelah untuk menjawab soalan)

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Takdop* [tiada siapa yang terlibat kecuali Pokli].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) **Boleh Pokli cerita serba sikit [sedikit] tentang adik beradik Pokli? Dieorang [mereka] tinggal dekat [di] mana dengan kerja?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Sekare* [sekarang] ini *hok* [yang] sulung *duduk* [tinggal] di Terengganu. Sungai itu- *Bukit Buluh, Terengganu.* [Bukit Buluh, Kuala Terengganu, Terengganu]

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) **Kerja apa?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Kontrak. (suara mengiyakan jawapan Pokli) Buat *rumoh* [rumah].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) **Yang kedua? [ke-2]**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Hok tino duduk* [yang perempuan tinggal] di *Kemayan, Pahang.* [Kemayang, Bera, Pahang]

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) **Tak [tidak] kerja?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Dok* [tidak]. (sambil Pokli menggelengkan kepala)

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) **Kalau di masa lapang, Pokli**

**selalu buat apa? (bunyi kunci jatuh)**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Haa *sayo maso* [saya masa] ini *maso lape gak* [pada masa lapang] *gituh lah takdop buat gapo* [begitu lah tidak buat apa] *mugo kito kijo gini tu gak* [merujuk kepada pekerjaannya sebagai tok teri].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) **Duduk dekat kedai duduk borak.**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Duduk kedai. Borak. *Pah belih* [lepas itu, sembelih] lembu.

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Sembelih lembu? (Pokli mengayakan jawapannya tadi)

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) (Bunyi kunci jatuh) *Gituh la* [begitu lah].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) **Mana Pokli sekolah *dulu?* [pada masa dahulu]**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) (bunyi kunci dimain) *Koloh* [sekolah] di- (Pokli cuba mengingati) Che Deris. (suara mengulangi ayat) Deris *nu keda buluh* [sana Kedai Buluh].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) **Bagaimana Pokli ke**

**sekolah? Jalan kaki?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Jale [jalan] kaki, maso tuh susoh bare takdop keto, takdop gapo* [masa itu susah tiada kereta, tiada apa-apa]  
(Bunyi suara rakan Pokli) (Bunyi kunci jatuh)

SS : **(Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Apakah yang menyebabkan Pokli tertarik untuk menyertai seni warisan Kelantan?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Ni mano* [yang mana] bomoh ni lah? [merujuk kepada ayat sebelum]. (Suara SS yang mengiyakan pertanyaan Pokli) Jadi *gini* [begini], asal dulu *kito* [saya] sakit. Jadi *kito* [saya] sakit *takdop aroh* [tak tahu] nak buat. (Bunyi kunci dimain) Panggil *gih spital dok* [pergi hospital tidak] jadi, *gapo dok* [apa-apa tidak] jadi. Jadi *ore tuo kita nih, maso tuh kito duk denge tok* [orang tua saya ini, masa itu saya tinggal dengan datuk dan nenek]. (Bunyi kunci dimain) *Nge tok alik ayoh* [dengan datuk dan nenek sebelah ayah]. (Bunyi kunci diketuk di lantai) *Jadinyo* [jadinya] panggil lah *ore situh* [orang di situ], panggil *siup* [tiup] lah. (Suara rakan Pokli) *Supo kito maing teri lah* [sama seperti main peteri lah]. (Bunyi kunci dimain) *Dio pon kato, dio kato* [Dia berkata, dia kata] (bunyi kunci dimain) “*Cucu mu nih keno blaja.*” [“cucu awak ini kena belajar.”] (rakan Pokli terbatuk dan bunyi gelak tawa anak rakannya) *Dio kato kalo dok blaja,* [dia berkata kalau tidak belajar,] (bunyi kunci dimain) lambat *nak sia* [hendak sembuh]. (Bunyi rakan Pokli bersempang) Jadi *lebah dio siup tuh,* [selepas dia tiup itu,] jadi *esokan* [keesokkan harinya] boleh bangun. *Dio siup pete gini,* (bunyi kunci dimain) *esokan* [Dia tiup petang

begini, keesokkan harinya] boleh bangun, boleh *make* [makan] boleh *gapo gak, kito paka teruh blaja* [buat apa-apa, saya terus belajar]. (Bunyi hentakan kunci di lantai)

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Belajar dengan tok itu lah? (Pokli menjawab soalan dengan mengiyakan serta anggukan kepala) (bunyi kunci dimain dan diketuk dilantai) Sejak bila terlibat dengan warisan Kelantan?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) (bunyi kunci diketuk ketuk di lantai) *Kito maso tuh- kito dale joh ne.* [saya pada masa itu- saya dalam darjah enam]

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Muda lagi. (Pokli mengiyakan serta anggukan kepala) Pokli sambung sekolah menengah ke tak? [tidak]

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Sapa tingkatan satu* [sampai tingkatan 1] (disertai dengan anggukan kepala Pokli) (SS bertanya untuk memastikan jawapan) *Sakat tuh jah.* [setakat itu sahaja] (bunyi kunci dimain)

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Boleh Pokli cerita pengalaman dalam warisan Kelantan? (Boleh mengiyakan dan menganggukan kepala) Pengalaman *sikit-sikit*. [serba sedikit]

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Pengalame lagu mano? -*

[pengalaman yang seperti mana?] *Kaedoh ore* [kaedah orang] sakit? *Kaedoh ore ni lagu- banyok lah* [kaedah orang sakit ini macam- banyak lah]. *Masaloh ore* [masalah orang] sakit ini- *nok* [hendak] tahu *ore* [orang] sakit ini- sakit *lagu mano tuh* [yang macam mana itu] sakit *kaedohmyo?* [kaedahnya] (perbualan Pokli dan rakannya) *Po kito siup tuh lah* [serupa dengan saya tiup itu lah]. (bunyi kunci) *Dio kaedoh ore* [kaedah orang] sakit ini- *dio mano* [dimana] duduk- *tak* [tidak] boleh *nok tido dok*, [hendak tidur kan] *dio tak* [dia tidak] boleh *nok make, nok* [hendak makan, hendak] minum. Jadi *gih spital dio takdop obat* [pergi hospital tapi tiada ubat]. *Mano gih cocok pon dok* [di mana pergi cucuk pun tidak] jadi, *kelik dio nok tiok* [bila balik rumah rasa hendak menangis]. *Pete-pete dio betiok, male dio tokleh tido* [petang dia rasa nak menangis, malam dia tidak boleh tidur]. Jadi, *kito* [saya] panggil *gih kito siup lah* [pergi saya tiup lah]. Jadi *kedokhi* [keizinan] Tuhan itu, *dio* [dia] boleh. *Dio lah* [pergi saya tiup lah]. Jadi *kedokhi* [keizinan] Tuhan itu, *dio* [dia] boleh. *Dio* [dia] boleh bangun, boleh *make-blalu tuh lah lalu* [makan selepas itu lah baru] boleh- *dio maing teri* [dia main peteri]. *Gituh* [begitu]. (Suara rakan Pokli) (bunyi kunci dimain) *Selepah kito siup tuh gak, dio segar* [selepas saya tiup, dia sembuh] boleh seminggu *dua* [2] *gak*, [untuk melengkapkan ayat] *dio kato*, [dia berkata,] “*kito maing teri lah.*” [kita main peteri lah]. (Bunyi kunci dimain) *gituh.* [begitu].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Selain main teri, warisan Kelantan apa lagi yang Pokli terlibat?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Teri-, mokyong* [main peteri,

makyong] (suara SS bertanya lagi) *woye*, [wayang] (suara SS bertanya untuk kepastian) *woye* [wayang] kulit (suara SS bertanya lagi) (suara NIM) silat, (suara SS) dikir. *Habih la, noro* (suara NIM) [habis la, menora] (suara SS untuk memahami jawapan Pokli) *noro ni ore sie, dio maing supo mokyong jugop* [menora ini orang siam, dia main sama seperti makyong].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Menora? (Pokli mengiyakan sambil mengangguk kepala) (suara NIM)

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) (Pokli menjawab soalan sambil anggukan kepala) Tapi *turuk lah turuk, maso dulu turuk noro* [ikut lah, pada masa dahulu ikut menora]. *Gituh.* [begitu].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) (suara rakan Pokli) Adakah Pokli mempunyai ahli kumpulan (bunyi kunci) sendiri dalam main teri ini?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Jadi *kalo* [kalau] mungkin *kito kumpule* [saya ada kumpulan] sendiri lah. (sambil mengangguk kepala) (suara SS bertanya untuk kepastian jawapan daripada Pokli) *Kalo ore padoh kito gak, kito* [kalau orang ajak saya, saya] (bunyi kicauan burung) cari lah *awok-awok tuh* [ahli itu]. (suara SS) Ini, *dio jong gende* [dia pemain gendang] (sambil menunjuk ke arah rakannya) *gapo ni-*. [apa ini] *Jong rebat, jong gende-* [emain rebat,emain gendang]

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Berapa orang?

- RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Sepuluh* [10] (Bunyi kunci dimain) (Bunyi kicauan burung)
- SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Setiap kali persembahan memang akan *sepuluh* [10] orang?- (Pokli mengiyakan sambil mengangguk) (Bunyi kicauan burung) *Dieorang*, [mereka] gelaran mereka apa? Contohnya tok teri, lagi?
- RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Tok teri, *tok mindok* [perantaraan antara tok teri dan pesakit], *jerebat*. [sama seperti *jong rebat* iaitu pemain rebat]
- SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Jerebat*? [sama seperti *jong rebat* iaitu pemain rebat] (Pokli mengiyakan sambil menganggukkan kepala) (bunyi kunci dimain) Lagi?
- RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Hok* [yang] lain *gak panjok* [pula panjak] lah. (Pokli memandang rakannya dan rakannya bertanyakan soalan) (Perbualan rakan Pokli dan NIM) (Perbualan Pokli dan rakannya) *Jong gende* [pemain gendang] tadi *jong rebat*, [pemain rebat] *jong gende*, [pemain gendang] *tawok* [nyanyian di dalam teri], *cek-cek* [nama-nama alatan muzik yang digunakan] (SS bertanya untuk kepastian) *cek-cek* [alatan muzik yang digunakan] (Pokli menjawab soalan sambil tangan nya menggayakan cara penggunaan alatan muzik tersebut) (SS memastikan sekali lagi) *cek-cek* [alatan muzik yang digunakan] *ore* [orang] panggil-. (Suara rakan Pokli) *Canang*, [alatan muzik yang digunakan] *sunai-* [serunai adalah salah satu alatan muzik

yang digunakan] (Suara SS)

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Gelaran Pokli dalam persembahan ini? Tok teri lah? (Pokli menjawab sambil anggukan kepala)

Sebagai tok teri. (Bunyi kunci dimain) Haa dia ada *tak*, [tidak] kalau kita *nak* [hendak] jadi tok teri, ada *tak* [tidak] ciri-ciri yang kita kena ada?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Kalu ore tino ni dio payoh* [kalau orang perempuan ini susah] jadi tok teri, *dio keno* [dia kena] jadi *mokyong* [makyong]. (sambil mengangguk kepala) Haa ya *gituh* [begitu]. *Ore tino jare* [orang perempuan jarang] tok teri, *banyak kea mokyong* [kebanyakkhan makyong] lah *ore tino ni* [orang perempuan ini]. Ibu *mokyong dio* [makyong dia] panggil. (bunyi kunci dimain)

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Tugas tok teri sendiri dalam persembahan?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Tugas tok teri *tuh banyak* [itu banyak] lah. *Kijoan* [kerja] tugas- utama *kito gerok* [Tok teri gerak] angin, (Sambil tangan nya mengira tugas Tok teri) *gerok* [gerak] angin *ore* [orang] sakit. (suara SS) (suara rakan Pokli) Yang utama *baco* [baca] kenduri, *mulo-mulo petamo baco* [mula-mula pertama baca] kenduri, *pahtuh*, *dio* [selepas itu, dia] *tabik-*, [salah satu tugas tok teri] (Sambil tangan nya mengira tugas Tok teri) *lebah yo* [lepas dia] *tabik*, [salah satu tugas tok teri] baru lah *kito* [kita] masuk- (sambil anggukan kepala) (bunyi kunci) ucapan *sobat kato ore* [sahabat

kata orang] itu *kito nok* [kita hendak] cari *sain* [kawan] itu, *keno ado* [kena ada] lah *kito nok* [kita hendak] main teri itu. (sambil anggukan kepala Pokli) *Kapit kito tuh-dulu* [tugas kita itu dahulu]. (suara rakan Pokli) *Hok dio nok apon, dio kato nok apon daripado* [Yang dia hendak ampun, dia kata hendak ampun dari pada] nenek Maahad *daripado* [daripada] guru. Bahagian tok teri lah itu-*nge* [dengan] *tok mindok* [orang perantaraan tok teri dan pesakit] lah. Bab *kito* [kita] sebelum *kito nok gih* [kita hendak pergi] dekat *ore* [orang] sakit itu. *Dio kato* “*Nok kumyo daripado nenck maah daripado* [Hendak kurnia daripada nenek maaf daripada] guru itu” *Gituh* [begitu].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Berapa kali dalam sebulan?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Teri ini *dio* [dia] ikut. *Dio kade-kade duo bule* [dia kadang-kadang 2 bulan] pun *ado*, *apo sebule* 2 kali *ado*, 3 kali pun *ado*, *kade-kade takdop lasung dale sebule* [ada, apa sebulan 2 kali ada, 3 kali pun ada, kadang-kadang tidak ada langsung dalam sebulan] itu. *Mugo atah ore* [bergantung atas orang] sakit. *Ore mari gak yo* [orang datang iya kan sahaja]. *Kade-kade siup sajo, dio tok* [kadang-kadang tiup sahaja dia tidak] main teri. Hari itu *ado* [ada] *bagih* [salah satu perubatan tradisional] *loni* [sekarang ini] *bagih* [salah satu perubatan tradisional] *takdop doh* [sudah tiada atau sama seperti sudah pupus]. (suara SS untuk mengetahui apa itu bagih) *Bagih supo* [bagih sama seperti] teri *gok cumo io takdop jong gende* [juga cuma ia tidak ada pemain gendang]. *Gituh* [begitu]. *Pasa loni, takdop doh, abih doh kea* [kerana sekarang ini, sudah tiada, habis sudah kan]. *Hok seksek- rama hok mati gak*

*paka nok ile* [yang puak-puak ramai yang mati pakat hendak hilang] *bagih* [salah satu perubatan tradisional] itu. *Takdop ore* boleh *doh loni* [tidak ada orang boleh main sekarang ini]. (bunyi kunci dimain)

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Dekat mana selalu Pokli buat persembahan- teri ini?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Kalu* [kalau] main- main *ore* [orang] sakit ini *tok* [tidak] tentu lah. *Dio tok* [dia tidak] tentu, *ore* [orang] sakit ini *io* [ia] ikut *kapung* [kampung]. *Guo Muse* [Gua Musang, Kelantan] pun *gih* [pergi].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Kiranya *tak* [tidak] ada tempat yang--

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Tepat* [tempat] main? (bunyi kunci dimain) (SS mengiyakan pertanyaan Pokli) *tepat* [tempat] main ini *ikut dan* [dimana-mana] lah. *Sini* [di sini] pun boleh main.

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Kalau dia kata rumah pesakit?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Umah* [rumah] sakit, *umah* [rumah] sakit lah. (ambil anggukkan kepala) *Kade dio kato tok* [kadang dia kata tidak] boleh main *dumoh dio* [di rumah dia] cari *umoh ore* [rumah orang] lain pun *kito turut gih* [kita tetap pergi]. *Kalu dio kato nok* main *umoh kito* pun *takpo*

[kalau dia kata hendak main rumah kita pun tidak mengapa]. *Gituh* [begitu].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Apa yang Pokli dapat bila *dah* [sudah] siap main teri itu? (suara Pokli untuk memastikan soalan) **Ganjaran dia.**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Ganjare dio itu- terpule* [ganjaran dia itu terpulang] lah, *kade-kade sudoh* [kadang-kadang bila siap] main teri *kea*, [kan] *dio ore* [mereka] bagi *seribu* [RM1000-Ringgit Malaysia satu ribu sahaja] *pitih gak bagi* lah *kito rama-rama* [duit itu bahagi lah kita ramai-ramai]. *Gituh* [begitu].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Selain itu?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Seratus* [RM100-Ringgit Malaysia satu ratus sahaja] *ko sore*, [ke seorang] *lapec puluh* [RM80-Ringgit Malaysia lapan puluh sahaja] *ko sore*, [ke seorang] ikut lah. *Kalo ore sakit ore susoh benga gak, sikit* [kalau pesakit orang susah betol, sedikit]. *Kalo ore ado lebih gak, dio* [kalau orang ada lebih, dia] bagi lebih.

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Pokli bermain alat muzik juga ke sewaktu persempahan?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Kito tok* [saya tidak] main alat muzik. (sambil menggelengkan kepala) (suara rakan Pokli)

- SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Adakah Pokli mengenali semua jenis alatan muzik yang digunakan?
- RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Ha*. [Pokli bersetuju dengan soalan yang diberikan] (Pokli mengiyakan jawapan sambil menanggukkan kepala) (bunyi kunci dimain)
- SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Kalau pesakit, cara dia menghubungi Pokli macam mana? [bagaimana]
- RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Dio telefon* [dia telefon].
- SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Telepon?* [telefon] (Pokli mengiyakan soalan) Kalau orang yang tak [tidak] kenal?
- RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Dio telefon lah, kalu ore tok kena, dio cari mace dio cari io* [dia telefon lah, kalau orang tidak kenal, dia cari macam dia cari dia] ini. (sambil tangannya menunjuk ke arah rakannya) Cari, *tanyo dio* [tanya dia]. *Mano umoh* Pokli, *dio oyak gak*, *dio telefon* [dimana rumah Pokli, dia beritahu dia telefon] lah. *Atah kawe-kawe* [atas kawan-kawan] (sambil gerakkan tangannya) lah *telepon* [telefon] itu. *Gituh* [begitu]. *Dio kato gih* cari Pokli *gak*, *dio telefon* [dia kata pergi cari Pokli, dia telefon]. (bunyi kunci dimain)
- SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Dekat mana selalu Pokli akan jumpa dengan pesakit? Di kedai ke?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Dio hok* [dia yang] sakit ini, *jare jumpo keda, kitongih dumoh dio* [jarang jumpa di kedai, kita pergi rumah dia] lah. *Gih dumoh dio* lah *pasa anok-anok ko telepon, tok laki dio kalo ado tok laki gak, kalo baso hok daro gak ayoh dio telepon* [pergi rumah dia lah sebab anak-anak ke telefon, suami dia kalau ada suami, kalau yang gadis, ayah dia telefon]. *Gituh* [begitu].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Macam mana* [bagaimana]  
**Pokli mengenali jenis penyakit yang- pesakit itu ada?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) (suara rakan Pokli) (bunyi kunci dimain) *Dio* sakit itu, *kito gih kat ore* sakit itu *kito jamoh* nadi *dio* [dia penyakit itu, saya pergi dekat pesakit itu saya rasa nadi dia] tengok. (ambil reaksi tangannya merasa nadi) *Rok* denyut nadi *dio, kalu doktor gak, dio test denge* alat *dio* itu *dok* [denyutan nadi dia, kalau doktor, dia periksa dengan alat dia itu kan]. (ambil reaksi tangannya merasa nadi) *Kito jamoh gituh jah* [kita rasa begitu sahaja]. *Pah kito tanyo* lah *hok* sakit ini, *make tokleh ko, tido tokleh ko, tido male ado kejut ado* terngigau *ko* [selepas itu kita tanya lah pesakit ini, makan tidak boleh ke, tidur tidak boleh ke, tidur malam ade terkejut ada mengigau ke]. *Dio oyak* [dia bagitahu] lah. *Tokleh tido, tokleh make* [tidak boleh tidur, tidak boleh makan]. *Pah duduk kea nok tiok sokmo* [bila duduk sahaja kan hendak menagis selalu]. *Dio kato yolo doh* [dia kata ye betol].

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Dengan itu Pokli boleh tahu

**dia sakit apa?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Boleh lah lebih *kure* [kurang].  
*Kito* [kita] tahu lah sakit *dio* [dia] itu.

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) **Pokli sendiri ke yang akan tentukan bila akan main teri itu?**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Hoo*. [Pokli bersetuju dengan soalan yang disoal] (ambil anggukkan kepalanya) *Kalu dio padoh kito gak, kito keno cari gu kito sore* [kalau dia menagajak kita, kita kena cari kawan kita seorang] lagi. *Keno tanyo konpom denge dio pulok* [kena tanya pastikan dengan dia pula]. *Pasa dio kijo* [sebab dia kerja]. *Dioore telepon kito, keno telepon dio dulu* [mereka telefon kita, kena telefon dia mula-mula]. *Kalu kito bua kato* boleh, takut *dio tokleh* [kalau kita berbincang kata boleh, takut dia tidak boleh]. Sebab *mugo sepuluh ore* ini *payoh* [dengan 10 orang ini susah]. *Kade-kade kito* boleh, *jong gende tokleh* [kadang-kadang kita boleh, pemain gendang tidak boleh]. (ambil menunjuk ke arah rakannya) *Gituh* [begitu]. *Nok wi jadi- satu puok* itu jadi *payoh mugo ore sepuluh ore kea* [hendak bagi jadi 1 kumpulan itu jadi susah dengan 10 orang kan]. *Kade-kade* [kadang-kadang] “*tokleh kawe male ni ado- kijo lain gak.*” [tidak boleh saya malam ini ada kerja lain] *Keno* [kena] tunggu lah. (bunyi kunci dimain) *Gituh* [begitu]. *Takdop sore tokleh* [tidak cukup seorang tidak boleh] main. (bunyi kunci diketuk ke lantai) Misal *kato takdop sore jah, jong canai ko jong cek-cek ko tokleh nok* [misal kata tidak cukup seorang sahaja, pemain canai ke pemain cek-cek ke tidak boleh hendak]

main lah. *Takdop jong sunai ko tokleh nok* [tidak ada pemain serunai ke tidak boleh hendak] main. (bunyi kunci)

#### **TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG MAIN PETERI

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Ok sekarang ini kita akan masuk ke bahagian *dua* [2] cerita pasal latar belakang main teri ini. (bunyi motosikal lalu) Boleh Pokli cerita apa *sebenarnya* [sebenarnya] sebalik main teri ini? Dia sama ada perubatan tradisional ke-?

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Ha* [Pokli bersetuju dengan persoalan itu tadi] perubatan tradisional lah (ambil anggukan kepala)

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Cerita dengan lebih *detail* [lengkap] lagi.

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Perubatan tradisional *gak*. (ambil memandang ke arah rakannya) (bunyi kunci dimain) (perbualan antara Pokli dan rakannya)

SS : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) Apa maksud main teri ini?  
**(suara rakan Pokli)**

RM : (Bunyi kipas sepanjang perbualan dijalankan) *Dio* [dia] angin-. *Makno dio* [makna dia] sakit. *Dio* [dia] angin *dio* [dia] ini *ore-* [orang-] *ore* [orang] *kito* [kita] ini *ado* [ada] angin. Apabila angin sakit, *dio* [dia] *gih* [pergi] *spital* [pergi] *tokleh* [tidak boleh]. *Tokleh* [tidak boleh] *gih* [pergi] *spital* [hospital] *dio* [dia] *terpakso* [terpaksa] *doh* [dah] main teri. *Takdop* [tidak ada] *doh* [dah] *jale* [jalan] lain. *Kalu* [kalau] *tok* [tidak] main teri, lagu *kato* [kata] *nok* [hendak] sia

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Alik* [belah] Tok Mindok dan tok *teri* [peteri] ni dia *tak* [tidak] sakit, cuma *alik* [belah] tok *teri nuh* [peteri tu] *naik* [angina dalam diri]. *Kalu nyakit* [kalau penyakit] orang tu dia mari kita, kita lupa, kita mari, kita *ngadak* [mengadap atau berhadapan] Tok Mindok. Tok Mindok tahu lah *hok kito* [yang kita] mari tu *gapo* [apa]. Sebab dia kata jadi macam hakim (NIMmengiakan pernyataan Pokli) Tok Mindok tanya, *ngadak depe dio* [mengadap dihadapan dia], dia tanya (NIMmengiakan lagi pernyataan Pokli) *mung duk mano* [awak ada dekat mana]? Kita *oyak* [bagitahu] lah, aku *duk situ-situ* [ada kat satu tempat]. *Gak dio kato male ni mung keno* [ selepas itu dia bagitahu malam ini awak kena] dengar lah, aku nak suruh *mung* [awak] balik. *Nak* [hendak] suruh baliik kat tempat asal, *tak sey wi* [tidak mahu bagi] duduk atas name Timah ni, *mung sepok* [awak sepak] jauh. Tu dia kata *kalu* [kalau] sepak, bagaimana budi *mung nge* [awak dengan] aku? *Kalu ore ni sega, pahtu dio nak turut ko tidak* [kalau orang atau pesakit ini sihat, selepas itu dia hendak ikut atau tidak]? Tok Mindok kata *takpo* [tidak apa] aku *turut* [ikut]. *Jule* [julang] biar baik. *Jule* [julang] kita *nak* [hendak] lupa lah tu. (Bunyi alat muzik yang sedang dimainkan oleh kawan Pokli).

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Tak dok* [tidak ada] lah rasa

**sakit, rasa nak marah ke?**

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Ho tak dok* [ya tidak ada], *mugo kito nie tok teri ni tak dok gapo* [sebab kita ini tok peteri ini tidak ada rasa apa-apa]  
(Bunyi alat muzik yang dimainkan oleh kawan Pokli)

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Boleh tak Pokli cerita lebih lanjut *pasal pindah* [mengenai perpindahan] angin. Perpindahan angin dari pesakit?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Nak* [hendak] pindah *gano* [macam mana]? (Suara NIMketawa)

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Gano eh* [macam mana yer]?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Angin *tak leh nak pindoh* [tidak boleh dipindahkan] (NIM mengiakan penyataan Pokli) *Kalu nak pindoh* [kalau hendak pindah] angin kena *cetum ekor palo kambuh kokre abih lah* [ikat hujung rambut – habis lah]

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) (Suara Pokli gelak tawa) Makna nya angin pesakit tu *tak leh* [tidak boleh] pindah lah?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Ha* [ya] dia *tak leh* [tidak boleh], *ta*

*kiro* [tidak kira] angin, dia *tak leh* [tidak boleh] pindah daripada awal, *kalu* [kalau] pindah mati. *Cetum ekor palo kokre kambuh abih angin* [\_\_\_\_\_]. *Abih dah lah* [habis sudah lah], *tak dok* [tidak ada] dah angin nya. (Suara kawan Pokli mencelah menjawap soalan yang ditanyakan) (Pokli mengiakan jawapan yang dibagikan oleh kawannya).

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Lepah* [selepas] *main teri* [peteri] ni, *gapo hok jadi pesakit tu* [apa yang terjadi kepada pesakit itu]?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) (Bunyi kunci yang sedang dimaiankan oleh Pokli) *Lepah* [selepas] *main teri* [peteri] ni *tak dok gapo, sega dio nyo dea kito sudoh main gapo gak* [tidak ada apa-apa, sihat sudah apabila kita selesai main semua peringkat] boleh makan, boleh tidur dah lah.

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Balik pada* [kembali kepada] asal dah lah?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Ho balik pada* [ya kembali kempada] asal lah, *sega mega dah lah dio nyo* [sihat walafiat]. *Kalu* [kalau] Tuhan *wi sega gak* [bagi sihat]. (Pokli ketawa). Kita tidak pasti kata dia tu boleh *sega* [sihat]. *Kalu* [kalau] Tuhan *wi gak* [bagi], *sega* [sihat]. *Ho gitu lah* [ya begitu lah] (Suara kawan Pokli sedang berbual)

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *lepas* [selepas] *main teri* [peteri] tu, *tak dok* [tidak ada] dah rawatan susulan *ko* [ke]? (Suara kawan Pokli

**sedang berbual)**

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Kalu* [kalau] dia kata berasa *tak sega gak* [tidak sihat] dia *gi* [pergi] lah minta sirih pinang *ko gapo* [apa-apa ke] air tawar *ko gapo* [apa-apa ke] dia nak minum tu tapi *tak dok* [tidak ada] dah *sekalo* [kebiasaannya], *dea lepah* [selesai sudah] main *teri* [peteri] *sega dah laah* [sudah sihat] setahun dua tahun (Suara kawan Pokli sedang berbual dengan kawannya dan SS). Dia *tak dok* [tidak ada] dah, *dea* [sempat] lah dua tahun tiga tahun empat tahun *nak* [hendak] boleh *ko* [untuk] main pula. (Bunyi kunci yang sedang dimainkan oleh Pokli).

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Dalam main *teri* [peteri] tu dia *perabih gano* [pengakhiran cerita macam mana], dia *abih* [habis atau selesai] persembahan tu *gano* [macam mana]?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Dia *abih* [habis atau selesai], dia pesan angin, *nyudoh* [selesai]. Pesan suruh angin duduk *molek* [elok-elok] *kat* [dekat] pesakit tu. Kira pesan *abih* [habis] lah (Suara NIM mengiakan penyataan Pokli). Suruh *kelik* [balik] masuk \_ habis lah. Dia kata *urat seribu punca tulang seratus katang empat kerat* \_ *tulang urat jangan simpul darah jangan tokol lemak jangan gumpal tulang jangan retak daging jangan bengkak kulit jangan carik \_\_\_\_\_* [jampi serapah] (Kawan Pokli mencelah bagi menjawab soalan yang ditanya) (Pokli mengiakan jawapan dari kawannya) (Suara gelak tawa Pokli dan kawannya) (Pokli membaca jampi serapah seterusnya). Dia *abih* [habis] dah lah (NIM mengiakan jawapan Pokli) kisah *teri* [peteri]

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *abih ngan gitu lah* [habis dengan begitu lah]?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Abih* [habis] lah, sudah dah, senang dah lah. Dah kita senang *abih* [habis] dah. *Ha gitu* [ya begitu lah]. Tu *oyak hok* [bagitahu yang] senang dah tu. (Kawan Pokli mencelah ketika Pokli memberi jawapan)

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) (Bunyi kunci yang dimainkan oleh Pokli) Saya nak tahu *gapo hok jadi* [apa yang terjadi] dengan kain kuning tu? *Kea* [kan] dia ada gantung kain kuning (Pokli mengiakan) *leleh* [selepas] main *teri* [peteri] tu *gapo hok jadi* [apa yang terjadi] pada kain kuning tu?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Lelah* [selepas] berhenti *tak dok gapo* [tidak ada apa-apa] dah, dia tarik turun kain kuning tu (NIM mengiakan).

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Saya paham, kain kuning tu ada *tiga* [3] jalan? (Pokli mengiakan pertanyaan NIM)

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Hok tuh* [yang itu] main MakYong.

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Kain kuning tu untuk MakYong lah?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Ho* [ya] main MakYong (NIM

menanyakan kembali untuk meminta kepastian) (Pokli menceritakan perjalanan yang diceritakan semasa persembahan MakYong). Tu atas dia pilih lah, *hok* [yang] sakit, *kalu* [kalau] dia pilih jalan kanan, kena *gi* [pergi] *buru* [berburu] lah kita nya. *Buru* [berburu] hapus kijang kalau kisah MakYong *gak* [pelengkap ayat]. Dia kena masuk *buru* [berburu] lah situ.

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Kisah MakYong dia ada jalan tu,  
dalam *teri* [peteri] *tak dok tidak ada* lah?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Dalam *teri* [peteri] *tak dok* [tidak ada]  
kisah jalan, dalam MakYong *jah* [sahaja] ada kisah jalan

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Gapo* [apa] pantang larang  
terhadap pesakit tu selepas atau semasa main *teri* [peteri] tu? Dia ada  
pantang larang tak?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Tak dok* [tidak ada] dah (NIM  
menanyakan kembali untuk kepastiaan) *Tak dok gapo* [tidak ada apa-apa] dah.

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### BAHAGIAN 4 : CABARAN, PENDAPAT DAN HARAPAN

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) (Suara SS sedang berbual dengan kawan Pokli) Kita masuk bahagian *empat* [4] iaitu cabaran, pendapat dan harapan Pokli dalam main *teri* [peteri] ni. Okay, cabaran *hok* [yang] pernah Pokli lalui sepanjang main *teri* [peteri] ni?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Cabaran *hok* [yang] susah? (NIM mengiakan pertanyaan Pokli) (Bunyi kunci yang dipegang oleh Pokli) *Hok* [yang] susah ni banyak *kalu nak oyak* [kalau hendak diberitahu]. Jadi masa tu, ni *oyak* [bagitahu] *hok* [yang] susah ni *deh* [ye] (NIM mengiakan Pokli). Ujian *hok masa gi* [yang semasa pergi] Singapura, kita main di Singapura, orang *wat kenak duk* [buat khianat duduk] disebelah dan pesakit duduk disebelah. Jadi kita buat, *tak leh* [tidak boleh], kata malam ni *tak po* [tidak apa atau tidak mengapa]. *Kalu dea ko mung, dea kat aku tak po* [kalau dapat kat awak atau dapat kat saya tidak apa atau tidak mengapa]. Jadi dia buat, dia uji dia *tele* [tengok] kita, jadi kita pun nyaris-nyaris *tak kaba* [tidak sedar]. Maknanya orang *hok* [yang] tunggu tu duk buat tapi kita *dea kaba* [sempat sedar] kita \_\_ mula, kita buat kita balas balik dia. Situ dia kena *penat* [teruk]. Situ kita pun cabaran *penat* [teruk]. *Kalu* [kalau] cabaran, banyak-banyak lah kita kena *lagu* [benda] cabaran ini. Misal kata *ore kenak* [orang khianat] tu ada sekali, dia *nak* [hendak] tahu kelebihan kita *setaro mana* [setakat atau sejauh mana], bijak dia *ko* [ke] bijak kita. Jadi *kalu* [kalau] kita lemah, kena lah kita situ nya, *tak leh nak perubat ore dah paka reboh* [tidak boleh hendak perawat pesakit dah terus jatuh atau

pengsan] situ lah kita nya. Tu cabaran *hok* [yang] paling takut. *Kalu* [kalau] kita *gi* [pergi] main kat sebelah luar lah, sebelah Johor *ko* [ke] Singapura *ko* [ke], situ kita takut. *Pasa* *situ ore biso-biso sajo* [sebabnya disana orang handal-handal belaka] (NIM mengiakan Pokli). *Kalu* [kalau] rumah kat kampung ni *takpo* [tidak apa atau tidak mengapa] lah, dia *tak dok* [tidak ada] cabaran rumah kat kampung ni tapi *kali* [kalau] *gi* [pergi] sebelah luar, memang takut (NIM mengiakan Pokli). Bukan sewenang-wenangnya lah *kali* [kalau] sebelah luar. *Kalu* [kalau] main *hok* [yang] cabaran, banyak lah cabaran tapi *dok* [tidak] kena lagi lah semenjak kita duk main *teri* [peteri] ini, kita bomoh ni, tidak rajin kena lagi. Tuhan *wi* [bagi] lepas lagi.

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Pokli sedia maklum *dok pasa* [tidak mengenai] pandangan masyarakat-masyarakat setempat *pasa* [mengenai] main *teri* [peteri] ini? Pandangan orang-orang setempat terhadap main *teri* [peteri] ni *gapo* [apa]?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) orang kampung? (NIM mengiakan pertanyaan Pokli) Ye orang kampung ni kadang-kadang masalah, kena orang kampung *hok berehi* [yang minat] *teri* [peteri], *berehi* [minat]. *Keno ko hok dok berehi gak* [kena dekat yang tidak minah] dia kata maksiat (NIM mengiakan Pokli). *Mugo dio ore kapung kea* [sebab dia orang kampung kan], kena *ko baso leba hok sebo salah gak dia kato tok soh turut lah bare maksiat* [kalau pandangan dari Pak Lebai yang serba salah, dia tidak bagi ikut benda maksiat]. Kena atas orang *itu* [orang biasa atau minat] *takpo lah mugo nok berubat* [tidak

apa atau tidak mengapa lah sebab hendak berubat atau merawat]. Dia *lagu* [macam] itu lah, orang kampung ni lumrah hidup *lagu* [macam] itu dah. Semua nak suruh orang *kene* [minat atau suka] *tak dok ore* [tidak ada sesiapa] suka (Izzati mengiakan Pokli). *Sebutir* [sebuah] kampung nak suruh *kene* [suka] semua, *tak dok ore* [tidak ada sesiapa], ada *hok dok kene* [yang tidak suka] main *teri* [peteri] ada *hok kene* [yang suka].

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) dari segi konsep agama, main *teri* [peteri] ni boleh *ko* [ke]?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Boleh, hukum kata boleh. (NIM mengiakan penyataan Pokli). Dia tidak dosa.

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Sepanjang Pokli main *teri* [peteri] ni, negetif-negetif orang kampung atau *gapo* [apa] persepsi dari orang kampung *hok* [yang] Pokli terima?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Ia kadang-kadang orang kampung ni memang dia kata *mugo-mugo kokse* [macam-macam benda karut] lah kita ni. Dia kata *caro apo ko baso ore jahil kea* [kisah apa dekat orang jahil kan], main lah *teri* [peteri] tapi dia tidak *jupo depe* [jumpa depan-depan] *baso kato belake* [jenis mengata kat belakang] (NIM mengiakan Pokli). Kita *nak jupo depe* [hendak jumpa depan-depan]. *Baso duk kecek jauh-jauh kat kedai kopi* [jenis duk bercakap atau mengata kat warong atau kedai kopi]. Sebab nya kita kata hukum tu boleh sebab tok guru kita kata hukum boleh tapi kena niat *mutakat*

*biar come [niat yang betul] kalu [kalau] hati kita niat, nak suka tak leh [tidak boleh]. Kena hati kita tu gi [perhi] nak berubat [merawat]. Seboleh-boleh kita nak berubat dia, bukan kita nak niat, nak suka nak ria gapo [apa] tidak main teri [peteri] ni. Kalu [kalau] hati kita lalai, tak leh [tidak boleh] lah, dosa lah, hukum pun tak leh [tidak boleh]. Ha gitu [ya begitu] kalu tak keno ngan hukum gak [kalau tidak kena dengan hukum].*

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) macam orang kampung, dia anggap main teri [peteri] ni untuk persembahan semata-mata ke?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Berubat lah (NIM menanyakan kembali untuk kepastian) Orang kampung anggap berubat lah sebab *kalu* [kalau] nak main saja-saja atau suka-suka, ia tak leh [tidak boleh] main. Lain kata, *kalu* [kalau] macam budak *u* [univeristi] nak buat penggambaran tu lain.

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Perubatan atau main teri [peteri] ni *kea* [kan], boleh dok *kalu* [tidak kalau] pesakit dari agama lain?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Boleh. (NIM menanyakan kembali). Kita main rumah cina pun (Suara SS mengiakan penyataan Pokli) Cina atau siam pun main. Baru ni kita gi [pergi] main rumah cina kat Pulau Raya. *Tak po* [tidak mengapa] cina pun dia faham.

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Bagi pendapat Pokli *kea* [kan] main teri [peteri] ni buat untuk mrawat pesakit *ko* [ke] atau salah satu

**kesenian? (Pokli mencelah sebelum soalan habis ditanya)**

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Ia kedua-keduanya, salah satu kesenian pun ada, tapi *hok* [yang] kuat nya kita merawat orang sakit lah. Kesenian ni jarang-jarang *jah* [sahaja]. Baru ni kita *gi* [pergi] Pahang, *gi* [pergi] main kesenian, *gi* [pergi] main kat *tempat raja* [istana]

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Tapi ia lebih kepada merawat lah?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *ha* [ya] lebih kepada merawat lah.

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Secara peribadi bagi Pokli, apa beza main peteri yang dikenali sebagai perubatan tradisional dengan perubatan islam? *Gapo* [apa] beza *dua* [2] tu?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Kita pun *tak leh* [tidak boleh] nak kata. Perubatan Islam ni pun *supo* [sama] juga cuma dia tidak main *lagu* [macam] *teri* [peteri] lah tapi kalua tanya dia, dia *tak se wi* [tidak bagi] lah main *teri* [peteri ni] (NIM mengiakan Pokli) (Kawan Pokli mencelah) Kalau mengikut perubatan islam, dia kata syirik lah tapi kalau tok guru sebenar dia tak kata benda tu syirik, ia tak dosa. Cuba adik fikir, nak dosa *gano* [macam mana]? Katalah orang sakit *lima* [5] tahun du katas tikar, nak bangun *tak leh* [tidak boleh], nak bangun orang angkat. Bila kita *gi* [pergi] main *teri* [peteri] dia boleh bangun, boleh sembahyang, boleh buat amal ibadah. (Suara anak kawan Pokli ketawa).

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Pokli main *teri* [peteri] ni dapat tentangan dari pihak-pihak lain? (Pokli menanyakan kembali soalan yang ditanyakan) dari pihak-pihak luar *ko* [ke] (Pokli muncelah semasa soalan ditanya)

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Banyak lah tentangan tu, banyak lah (Suara kawan Pokli muncelah untuk menjawap soalan) *Kalu* [kalau] tentangan tu memang banyak lah juga.

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Contohnya? (Pokli menanyakan kembali soalan tersebut) Contoh tentang *hok* [yang] Pokli dapat?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Supo kito kato sakni* [sama macam kita bagitahu tadi], *kalu* [kalau] main tepi rumah *tok lebai gak* [Pak Lebai] *tak* [tidak berapa *kene* [minat atau berkenan] dia nya. (NIM mengiakan Pokli) Dia marah lah, dia kata main apa benda syirik tapi dia *ngaji* [belajar] tak habis, *kalu ngaji abih* [kalau habis belajar] dia tak kata *gitu* [macam tu] (NIM ketawa). Dia kena fikir, *kalu* [kalau] dia *ngaji* [belajar] dia *tak leh* [tidak boleh] kata sebab kita berubat bukan kita suka-suka.

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Selain itu, Pokli *nak* [hendak] meyaki NIMan masyarakat atau penduduk setempat ini dengan main *ter* [peteri] boleh *berubat* [merawat] pesakit. Pokli *nak* yakin (Pokli muncelah sebelum soalan selesai ditanya).

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Jadi kita *gi gak* [pergi] kita bomoh,

kita kata, mak *demo* [awak] kena main *teri* [peteri] sebab selain main *teri* [peteri] *tak leh nak wat dah mugo tak leh gi dah kot lain* [tidak boleh dibuat apa-apa dah sebab tidak dapat menjalankan rawatan lain]. Bomoh habis dah, macam-macam cara dah. *Teri* [peteri] ini bagi orang sakit bagi jalan termudah, dia habis bomoh dah (NIM mengiakan jawapan Pokli) Main *teri* [peteri] jalan *dua* [2] antara hidup dan mati *pasa* [bagi] orang sakit *berat* [teruk]. *Kalu* [kalau] Tuhan *tak se wi sega gak* [tidak mahu bagi sihat] mati lah pesakit.

NIM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) *Gapo* [apa] Pokli dapat dari keluarga Pokli? Keluarga Pokli bagi izin *ko* [ke] main *teri* [peteri] ataupun bagi tentangan?

RM : (Bunyi angin kipas sepanjang perbualan) Dia bagi izin lah *pahtu gak* [selepas itu] kiat *titih* [menuntut ilmu] dari tok nenek lagi.

#### TAMAT BAHAGIAN 4

## **RUJUKAN**

Perubatan Tradisional Main Peteri. (2017). Retrieved from

<http://www.ukm.my/geografi/images/upload/6a.geografi-jul%202012-aishah-ukm-melayu-ed%20kat-1.pdf>

Main Peteri. (2017). Retrieved from <http://jurnalmelayu.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/09/170-189-Main-Pateri.pdf>

Sejarah Lisan. (2017). Retrieved from <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

Ramli Mahmood. (Temubual, April 2017)

**LAMPIRAN**  
**LOG TEMUBUAL**

**BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG TOKOH**

Masa	Perkara yang dibincangkan	Nama / tempat yang dirujuk
00.50	Latar belakang tokoh	Ramli bin Mahmood Asal Kampung Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan Li Bomoh Mempunyai seorang anak perempuan yang masih bersekolah Tinggal bersama emak
03.33	Latar belakang keluarga	Halimah binti Yaacob Mahmood bin Awang Ayah berasal Kampung Pauh, Pasir Mas, Kelantan Emak berasal Kampung Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan Ayah sudah meninggal Emak tidak bekerja
04.32	Latar belakang adik beradik	3 orang adik beradik Merupakan anak bongsu Yang sulung tinggal di Terengganu Merupakan pekerja kontrak Yang kedua tinggal di Pahang Tidak bekerja
05.32	Hobi di masa lapang	Berborak di kedai

05.54	Latar belakang akademik	Bersekolah di Che Deris
06.31	Tarikan menyertai main peteri	Pernah sakit Berubat cara perubatan tradisional Dinasihatkan supaya belajar cara perubatan ini Menyertai ketika di awal usia 12 tahun
09.00	Warisan Kelantan yang terlibat	Main peteri Makyong Wayang kulit Silat Dikir Menora
10.00	Ahli kumpulan dalam main peteri	10 orang ahli kumpulan Pemain gendang Pemain gong Pemain serunai Sebagai tok teri dalam kumpulan
12.20	Masa teri dimainkan	Bergantung Sebulan 2 kali atau 3 kali. Tiada langsung dalam masa sebulan
13.00	Tempat persembahan dilakukan	Tidak tentu
13.30	Ganjaran	Dibayar dengan wang ringgit

15.04	Cara mengenali penyakit	Merasa denyutan nadi pesakit Bertanya masalah pesakit

## BAHAGIAN 2 : LATAR BELAKANG MAIN PETERI

Masa	Perkara yang dibincangkan	Nama / tempat yang dirujuk
16.37	Latar belakang main peteri	Salah satu perubatan tradisional Penyakit yang berkaitan adalah sakit angin Nama sebenar adalah main peteri Bukan satu persembahan Berasal daripada Patani, Siam Berasal daripada mainan di istana
20.28	Jenis-jenis penyakit	Dirasuk hantu Terkena perbuatan khianat orang
22.02	Jenis angin dalam main peteri	Mempunyai 199 jenis angin Angin pendekar Angin Kechik Dewa Muda Angin bidan Angin hala
25.17	Pantang larang main peteri	Pantang larang kepada ahli dan tetamu Tidak boleh buat bising Tidak boleh tidur Tidak boleh balik apabila main peteri sudah hendak habis
O2.42	Bahasa yang digunakan	Bergantung Bahasa Siam

		Bahasa Jawa Bahasa Indonesia Bahasa Bugis
--	--	---

### BAHAGIAN 3 : MAIN PETERI

Masa	Perkara yang dibincangkan	Nama / tempat yang dirujuk
00.10	Peringkat-prtingkat dalam main peteri	Ada tiga peringkat Perasap alatan muzik
01.45	Cerita rakyat sebalik main peteri	Tidak mempunyai cerita
03.09	Langkah yang dilakukan sebelum main peteri	Perasap alat muzik Tabik Kenduri Perasap telur guru
03.46	Penyediaan bahan atau barang untuk main Peteri	Tuan rumah yang menyediakan
04.04	Berapa jenis alat muzik	Tawok = 2 Gong = 2 Serunai = 1 Rebat = 1 Cekcek = 1 Canang = 1
04.33	Fungsi alat muzik	kepentingan dalam permainan Peteri
05.20	Rentak muzik yang digunakan	terdapat banyak jenis alunan muzik yang digunakan
03.46	Penyediaan bahan atau barang untuk main Peteri	Tuan rumah yang menyediakan
04.04	Berapa jenis alat muzik	Tawok = 2 Gong = 2 Serunai = 1

		Rebat = 1 Cekcek = 1 Canang = 1
04.33	Fungsi alat muzik	kepentingan dalam permainan Peteri
05.20	Rentak muzik yang digunakan	terdapat banyak jenis alunan muzik yang digunakan
06.03	Selain daun pisang, barang lain yang digunakan	Pulut kuning Bertih Telur goreng Sireh pinang Daun rokok
06.39	Nama dan fungsi kain kuning	Lelangit Puak dewa-dewa
07.06	Jenis bunga	Bunga melor Bunga mawar Bunga cempaka Bunga kenanga Bunga kertas
08.44	Kegunaan daun pisang	Sebagai alas untuk letak makanan
09.35	Tujuan duit pengeras	Untuk memujuk puak kayangan atau dewa-dewa
10.30	Tujuan majlis makan-makan	Untuk menjamu selera kumpulan Peteri
12.14	Tujuan setiap peringkat	Untuk melengkapkan persembahan atau perubatan
13.37	Perasaan yang dirasai oleh Tok Teri	Tidak merasakan apa-apa
19.17	Pantang larang selepas main Peteri	Tidak ada pantang larang

#### **BAHAGIAN 4 : CABARAN, PENDAPAT DAN HARAPAN**

Masa	Perkara yang dibincangkan	Nama / tempat yang dirujuk
19.27	Cabaran sepanjang penglibatan	Singapura Tok bomoh yang hantar penyakit ada sekali semasa perubatan Hampir pengsan
21.22	Pandangan masyarakat terhadap permainan Peteri	Bulan masyakat kampung
22.13	Dri konsep agama mengenai permainan Peteri	Diharuskan Tidak berdosa
23.43	Persembahan atau perubatan	Sebagai perubatan
25.28	Beza perubatan tradisional dengan perubatan islam	Hampir sama Perubatan islam membaca ayat-ayat al-quran Tidak mempunyai persembahan

## DIARI KAJIAN

Tarikh	Masa	Perkara	Tindakan
7 March 2017	1000 - 1200	1. Mendapat tugas daripada Puan Nor Kamariah binti Chik mengenai ceritera rakyat Kelantan.	<p>1. Perbincangan bersama rakan setugas untuk pemilihan tajuk</p> <p>2. Setelah mendapat kata sepakat tentang tajuk yang dipilih, kami mengutarakan tajuk kepada Puan Kamariah binti Chik dan telah mendapat kelulusan mengenai tajuk yang dipilih.</p>
9 March 2017	1400 - 1530	1. Mencari maklumat mengenai tajuk yang dipilih	<p>1. Pergi ke Gelanggang Seni untuk mendapatkan maklumat tetapi Gelanggang Seni tutup. Selepas bertanya kepada orang ramai, beliau mencadangkan untuk pergi ke ‘Tourism Kelantan’ mungkin mereka mengetahui cerita ceritera rakyat Kelantan. Selepas itu kami diminta untuk pergi ke Pejabat Muzium Negeri Kelantan untuk mendapatkan maklumat.</p> <p>2. Setelah temu bual bersama</p>

			pekerja di Pejabat Muzium Negeri Kelantan, kami telah membeli sebuah buku yang mempunyai cerita dan maklumat tentang tajuk yang kami pilih iaitu Main Peteri.
12 March 2017	1600 - 1800	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendapatkan maklumat dari laman sesawang</li> <li>2. Pencarian pencerita berdasarkan buku yang telah dibeli</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pencarian maklumat di laman sesawang melalui blog dan laman web.</li> <li>2. Cuba memahami apa yang berkaitan Main Peteri.</li> <li>3. Pencarian pencerita berdasarkan buku yang dibeli. Kami mencari Ezani Ghazali iaitu penulis Main Peteri yang telah diceritakan di dalam buku itu. Kami menjumpai ‘Facebook’ beliau telah menghubungi beliau melalui ‘Facebook’. Tetapi kami tidak dapat respon daripada beliau.</li> </ol>
15 March 2017	0800 - 1000	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perbincangan mengenai pencerita</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perbincangan di dalam kelas tentang ciri-ciri pencerita yang layak untuk ditemu</li> </ol>

	1500 - 1600	2. Pencarian maklumat tambahan	<p>bual.</p> <p>2. Mencari maklumat di laman sesawang dan telah menjumpai pelbagai artikel berkaitan Main Peteri.</p>
17 March 2017	1430 - 1600	1. Perbicangan tentang maklumat yang diperoleh	<p>1. Perbincangan mengenai maklumat yang ditemui di laman sesawang.</p> <p>2. Membaca artikel yang telah dimuat turun untuk memahami mengenai Main Peteri.</p>
18 March 2017	1430 - 1800	1. Pencarian pencerita	<p>1. Pergi ke Bukit Tuku untuk mencari Abdul Rashid bin Awang Hamat yang merupakan pencerita di dalam buku yang telah dibeli.</p> <p>2. Kami mendapat maklumat daipada orang kampung bahawa Abdul Rashid telah meninggal dunia.</p> <p>3. Kami menemu bual orang kampung untuk mendapatkan maklumat lagi mengenai Main Peteri. Lalu</p>

			<p>beliau mencadangkan kami untuk pergi ke Lati mencari Tok Wan Hassan kerana beliau amat mengenali dengan Main peteri.</p> <p>4. Kami meneruskan pencarian ke Lati dan telah bertemu dengan Abe Li iaitu Tok Teri di Lati dan telah menemu bual sedikit mengenai Main Peteri dan kami mendapat undangan untuk menyaksikan sendiri Main Peteri dijalankan sebelum temu ramah.</p>
20 March 2017	2200	1. Mengumpul maklumat	<p>1. Mula membuat pengenalan yang diminta oleh Puan Nor Kamariah binti Chik serta biodata tokoh.</p>
21 March 2017	1000 - 1200	1. Mendapat respon daripada penulis buku tersebut iaitu Ezani Ghazali	<p>1. Kami mendapat respon daripada Ezani Ghazali dan mengatakan bahawa Abdul Rashid telah meninggal. Abdul Rashid bin Awang Hamat merupakan datuk</p>

			beliau.
22 March 2017	1900 - 0200	1. Menyaksikan main peteri dipersembahkan	<p>1. Kami telah pergi ke Pasir Mas untuk menyaksikan sendiri cara perubatan tradisional main peteri dilakukan.</p> <p>2. Kami telah pergi menaiki dua buah kereta yang ditemani oleh Puan Kamariah dan suami serta rakan sekelas yang ingin menyaksikan main peteri.</p> <p>3. Kami telah mendapat pelbagai maklumat dengan menyaksikan main peteri tersebut. Berdasarkan pengalaman kami di sana kami telah mendapat idea untuk membuat soalan yang akan diajukan kepada tokoh kami.</p>
3 April 2017	0800 - 1000	1. Perbincangan soalan	<p>1. Kami telah berbincang dengan Puan Kamariah tentang soalan yang akan diajukan kepada tokoh kami.</p> <p>2. Puan Kamariah telah memberi cadangan kepada jenis soalan yang akan</p>

			<p>rumah rakannya.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>3. Kami telah menyediakan cenderahati kepada tokoh kami.</li> <li>4. Selepas sesi temubual, kami dijamukan dengan minuman petang.</li> </ol>
12 Mei 2017	2130 - 0000	1. Mendengar rakaman	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kami telah mendengar semula rakaman semasa temubual bersama tokoh kami.</li> <li>2. Kami mendapati bahawa bahasa yang digunakan adalah bahasa pekat Kelantan.</li> <li>3. Kami berbincang mengenai perkataan-perkataan yang ada digunakan dalam sesi temubual tersebut.</li> <li>4. Kami cuba untuk mendapatkan maksud bagi perkataan yang kami tidak tahu.</li> </ol>
13 Mei 2017	2100 - 0000	1. Kami mula membuat transkrip	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kami mula membuat transkrip berdasarkan apa yang telah kami pelajari di</li> </ol>

			ditanya dan bahagian-bahagian yang terlibat dalam soalan kami.
4 April 2017	2100 - 0000	1. Membuat soalan	<p>1. Saya dan rakan saya telah berbincang mengenai soalan yang akan dibuat.</p> <p>2. Kami membuat soalan berdasarkan pengalaman kami semasa menyaksikan main peteri berlangsung.</p> <p>3. Kami juga merujuk kepada laman sesawang untuk mendapatkan soalan.</p>
5 April 2017	1200 - 1500	1. Perundingan soalan	1. Kami telah menghantar soalan kami kepada Puan Kamariah untuk di semak.
6 April 2017	2100 - 2300	1. Mendapat kelulusan untuk menemubual	1. Puan Kamariah telah menyemak soalan kami dan kami mendapat kelulusan daripada beliau untuk membuat temubual.
7 April 2017	1500 - 1800	1. Sesi temubual bersama tokoh	<p>1. Kami telah pergi ke Pasir Mas untuk menemubual tokoh kami.</p> <p>2. Sesi temubual kami berlangsung selama 1 jam di</p>

			kelas.
19 Mei 2017	2100 - 0000	1. Membuat transkrip	1. Kami berusaha untuk menyiapkan transkrip.
20 Mei 2017	2100 - 0000	1. Membuat transkrip	1. Kami menyiapkan transkrip pada hujung minggu.
25 Mei 2017	2200 - 0000	1. Membuat transkrip	1. Kami sambung dan berusaha untuk menyiapkan transkrip kami.
2 Jun 2017	2100 - 0000	1. Membuat transkrip	1. Kami telah menyambung untuk membuat transkrip kami.
20 Jun 2017	1500 - 1700	1. Perundingan transkrip	1. Kami telah berjumpa dengan Puan Kamariah untuk beliau menyemak transkrip kami.
5 Jun 2017	2100 - 0200	1. Menyiapkan transkrip	1. Kami menyiapkan transkrip kami.
6 Jun 2017	2100 - 0000	1. Kami menyiapkan laporan	1. Kami membuat sedikit sebanyak laporan yang diperlukan.
7 Jun 2017	2100 -0100	1. Membuat artikel	1. Kami telah mula untuk membuat artikel berkaitan tajuk kami ini.
8 Jun 2017	2100 - 0000	1. Membuat kajian literatur	1. Kami telah membaca beberapa artikel daripada laman sesawang untuk

			<p>mendapatkan maklumat.</p> <p>2. Kami merujuk kepada buku untuk menyiapkan laporan kami berkaitan kajian literatur.</p>
9 Jun 2017	2100 - 0000	<p>1. Membuat log temubual</p>	<p>1. Kami telah mendengar semula kepada rakaman untuk membuat log temuabual kami bersama tokoh kami.</p>

## **SOALAN TEMUDUGA**

### **Bahagian 1 : Latar Belakang Tokoh**

1. Siapakah nama Pokli ?
2. Apakah nama gelaran Pokli ?
3. Kenapa digelar dengan nama gelaran itu ?
4. Bilakah tarikh lahir Pokli ?
5. Berapa umur Pokli ?
6. Dimanakah Pokli dilahirkan ?
7. Dimanakah Pokli dibesarkan ?
8. Adakah Pokli sudah berkahwin ?
9. Siapakah nama isteri Pokli ?
10. Berapakah umur isteri Pokli ?
11. Apakah pekerjaan isteri Pokli ?
12. Dari manakah asal isteri Pokli ?
13. Berapa lamakah Pokli sudah berkahwin ?
14. Bagaimana pertemuan Pokli bersama isteri Pokli ?
15. Berapa orang anak Pokli ?
16. Apakah pekerjaan mereka ?
17. Adakah mereka sudah berkahwin dan tinggal di mana ?
18. Adakah anak Pokli melibatkan diri dalam seni warisan Kelantan ini ?
19. Dengan siapakah Pokli tinggal sekarang ?

20. Siapakah nama ayah Pokli ?
21. Siapakah nama ibu Pokli ?
22. Ibu dan ayah Pokli berasal daripada mana ?
23. Apakah pekerjaan ibu dan ayah Pokli ?
24. Adakah ibu dan ayah Pokli masih hidup ?
25. Berapakah bilangan adik beradik Pokli ?
26. Pokli anak ke berapa ?
27. Bolehkah Pokli menceritakan serba sedikit tentang adik beradik Pokli, apakah pekerjaan mereka dan di mana mereka tinggal ?
28. Adakah semua adik beradik Pokli masih hidup ?
29. Selain Pokli, siapakah lagi adik beradik Pokli yang terlibat dalam seni warisan Kelantan ?
30. Warisan Kelantan apa yang mereka terlibat ?
31. Di masa lapang, apakah Pokli akan lakukan ?
32. Dimanakah Pokli bersekolah ?
33. Bagaimanakah Pokli ke sekolah ?
34. Bolehkah Pokli menceritakan serba sedikit tentang pengalaman Pokli semasa di zaman persekolahan ?
35. Adakah Pokli menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi ?
36. Dimana dan kursus apa yang Pokli ambil ?
37. Apakah pekerjaan Pokli sekarang ?
38. Dimanakah tempat kerja Pokli sekarang ?

39. Apakah yang menyebabkan Pokli tertarik untuk menyertai seni warisan Kelantan ini ?
40. Sejak bilakah Pokli melibatkan diri dalam seni warisan Kelantan ?
41. Selain main teri, warisan Kelantan apakah yang Pokli terlibat ?
42. Bolehkah Pokli menceritakan serba sedikit tentang pengalaman Pokli dalam bidang ini ?
43. Adakah Pokli mempunyai ahli kumpulan sendiri di dalam seni warisan Kelantan ini ?
44. Apakah gelaran mereka dan tugas mereka ketika persembahan ?
45. Apakah gelaran Pokli dalam persembahan seni warisan Kelantan ini ?
46. Apakah keistimewaan dan ciri ciri untuk mendapat gelaran seperti itu ketika membuat persembahan ?
47. Apakah tugas Pokli di dalam persembahan ?
48. Berapa kaliakah dalam sebulan Pokli membuat persembahan ?
49. Dimanakah Pokli selalu membuat persembahan ?
50. Apakah ganjaran selepas Pokli melakukan persembahan ?
51. Adakah Pokli juga bermain dengan alatan muzik semasa persembahan ?
52. Adakah Pokli mengenali semua jenis alatan muzik yang digunakan semasa persembahan ?
53. Bagaimanakah mereka akan menghubungi Pokli ?
54. Dimanakah mereka akan bertemu Pokli jika ingin minta tolong daripada Pokli ?
55. Bagaimanakah Pokli akan mengenalpasti jenis penyakit yang dihadapi oleh pesakit ?
56. Adakah Pokli akan menentukan tarikh persembahan ?
57. Bagaimanakah tarikh dan hari itu dipilih ?

## **Bahagian 2 : Latar Belakang Main Peteri**

58. Bolehkah Pokli ceritakan apa sebenarnya main peteri ini ?
59. Apakah yang dimaksudkan dengan main peteri ?
60. Ianya di panggil main peteri atau main puteri ?
61. Adakah main peteri ini dipanggil sebagai satu persembahan ?
62. Dari manakah asal usul main peteri ?
63. Adakah main peteri ini asal daripada permainan di istana ?
64. Apakah jenis penyakit yang boleh dirawat melalui main peteri ini ?
65. Apakah yang dimaksudkan dengan angin dalam main peteri ini ?
66. Berapa jenis angin dalam main peteri ?
67. Penyakit apakah yang paling susah untuk diubati ?
68. Adakah terdapat pantang larang Pokli sendiri semasa main peteri dipersembahkan ?
69. Adakah terdapat pantang larang oleh tetamu yang hadir semasa main peteri dipersembahkan ?
70. Apakah akan terjadi jika pantang larang itu dilanggar ?
71. Bolehkah main peteri dipersembahkan di khalayak ramai atau orang tertentu sahaja seperti kaum keluarga ?
72. Adakah lagu yang digunakan itu berkaitan dengan setiap jenis penyakit ?
73. Berapa orang yang terlibat dalam main peteri ?
74. Apakah peranan tok teri, tok minduk dan panjak dalam persembahan ?
75. Adakah ia terlibat khusus untuk lelaki sahaja ?

76. Adakah main peteri mempunyai pakaian yang tertentu ?
77. Apakah peralatan muzik yang digunakan semasa main peteri ?
78. Dimanakah main peteri sering dilakukan ?
79. Pada waktu bilakah main peteri dilakukan ?
80. Berapa lamakah main peteri dilakukan ?
81. Adakah main peteri ada kaitan dengan Puteri Saadong ?
82. Apakah kaitan main peteri dengan mak yong ?
83. Adakah terdapat bacaan tertentu di dalam main peteri ?
84. Bagaimanakah main peteri dipersembahkan ?
85. Adakah main peteri dimainkan hanya untuk perubatan tradisional sahaja ?
86. Adakah main peteri menggunakan bahasa yang tertentu sahaja ?

### **Bahagian 3 : Main Peteri**

87. Boleh Pok Li jelaskan permainan peteri ini ada berapa peringkat?
88. Boleh Pok Li ceritakan untuk setiap peringkat yang ada dalam persempahan?
89. Apakah cerita rakyat disebalik permainan peteri?

#### **3.1 Sebelum Permainan Peteri**

90. Apakah yang dilakukan sebelum malam main peteri?
91. Berapa lamakah masa yang diperlukan oleh pesakit untuk menyediakan bahan untuk persempahan ?
92. Apakah jenis peralatan muzik yang diperlukan dalam main peteri?
93. Apakah fungsi setiap peralatan muzik tersebut dalam main peteri?
94. Apakah rentak muzik yang boleh diselaraskan semasa main peteri?
95. Jika peralatan muzik tidak mencukupi, bolehkan main peteri diteruskan?
96. Selain peralatan muzik, barang atau bahan apakah yang akan digunakan untuk persempahan main peteri?
97. Apakah kegunaan kain kuning?
98. Apakah nama khusus bagi kain kuning yang digunakan?
99. Apakah jenis bunga yang digunakan semasa persempahan?
100. Apakah tujuan bunga tersebut dalam persempahan main peteri?
101. Apakah yang terdapat didalam mangkuk yang digantung?
102. Apakah tujuan ia digantung pada tingkap rumah?
103. Apakah kegunaan daun pisang semasa main peteri?
104. Apakah jenis makanan yang digunakan semasa main peteri?
105. Apakan kegunaan bagi setiap makanan?
106. Apakah tujuan bahan tersebut digantung pada kain kuning?
107. Apakah tujuan duit diletakkan diatas kain kuning?
108. Berapa jumlah duit yang diperlukan?
109. Apakah tujuan bakar kemenyan semasa main peteri?

110. Adakah majlis makan-makan wajib dilakukan sebelum persembahan?
111. Apakah nama khusus untuk majlis makan-makan tersebut dalam permainan peteri?
112. Apakah tujuan majlis makan-makan itu diadakan?

### **3.2 Semasa Permainan Peteri?**

113. Berapakah peringkat main peteri dilakukan semasa persembahan?
114. Berapa peringkat yang ada semasa persembahan?
115. Bolehkah Pok Li cerita setiap peringkat yang dilakukan?
116. Apakah tujuan setiap peringkat dilakukan?
117. Apakah yang dilakukan pada setiap peringkat?
118. Siapakah yang terlibat semasa persembahan?
119. Apakah yang diarasai oleh Pok Li/Tok Teri semasa persembahan dilakukan?
120. Adakah pesakit merasai kesakitan atau marah semasa persembahan?
121. Adakah Tok Teri menanggung kesakitan yang dihadapi oleh pesakit?
122. Bolehkah Pok Li cerita dengan lebih lanjut tentang perpindahan angin pesakit kepada Tok Teri?

### **3.4 Selepas Permain Peteri?**

123. Apakah yang terjadi kepada pesakit?
124. Adakah pesakit kembali sembah seperti sedia kala?
125. Adakah pesakit memerlukan perubatan susulan selepas main peteri?
126. Apakah pengakhiran cerita dalam persembahan tersebut?
127. Apakah yang terjadi pada kain kuning yang digantung?
128. Adakah pesakit mempunyai pantang larang selepas menjalani peruban tersebut?

#### **Bahagian 4: Cabaran, Pendapat Dan Harapan**

129. Apakah cabaran yang pernah dilalui oleh Pok Li dalam permainan peteri?
130. Apakah Pok Li sedia maklum mengenai pandangan masyarakat setempat mengenai permainan peteri?
131. Dari segi konsep agama, adakah permainan peteri ini dibolehkan?
132. Apakah persepsi negetif yang pernah Pok Li dengar tentang permainan peteri ini?
133. Apakah tanggapan atau pendapat masyarakat mengenai main peteri ini?
134. Apakah masyarakat menganggap permainan peteri ini untuk persembahan semata-mata atau perubatan tradisional?
135. Adakah main peteri ini boleh dilakukan untuk merawat pesakit dari pengikut agama lain?
136. Pada pendapat Pok Li, apakah main peteri ini bagus diteruskan untuk merawat pesakit, seni persembahan atau salah satu kesenian tradisional?
137. Pada pendapat Pok Li secara peribadi, apakah beza antara perubatan Islam dengan permainan peteri?
138. Apakah permainan peteri ini mendapat tentangan dari pihak lain?
139. Bagaimanakah Pok Li meyakinkan masyarakat setempat mengenai permainan peteri ini dapat merawat penyakit?
140. Bagaimana pula penerimaan dari keluarga Pok Li mengenai permainan ini?
141. Apakah harapan Pok Li untuk permainan peteri ini?
142. Setakat ini, siapakah perintis atau anak didik dalam permainan peteri ini?
143. Adakah Pok Li mengharapkan permainan peteri ini dipersembahkan ke peringkat antarabangsa atau dunia?

## **GAMBAR BERSAMA TOKOH**



**Gambar 1 : Selepas ditemubual**



**Gambar 2 : Bersama tokoh**

## INDEKS

<b>A</b> Angin bidan 1, 37, 38, 39, 46, 82 Angin hala 38, 39, 46, 82 Angin Kechik Dewa Muda 1, 37, 82 Angin pendekar 1, 5, 37, 38, 46, 49, 82	<b>K</b> Kelantan 1, 2, 3, 5, 7, 8, 9, 11, 12, 14, 15, 18, 19, 20, 21, 25, 80, 81, 86, 87, 92, Kampung Lubuk Tapah 12, 80 Kain Kuning 55, 56, 69, 70, 84 Kenduri 4, 24, 43, 44, 51, 52, 54, 55, 58, 61, 62, 83
<b>B</b> Bunga melor 56, 84	<b>L</b> Lelangit 58, 84
<b>C</b> Cik Siti Wan Kembang 3, 8, 49 Cek-cek 23, 30, 47 Canang 5, 23, 53, 83, 84	<b>M</b> Main peteri 1, 3, 9, 11, 18, 20, 21, 31, 33, 34, 40, 41, 42, 43, 51, 75, 81, 82, 83, 84, 87, 88, 89, 90, 91 Main teri 1, 3, 4, 5, 6, 9, 21, 24, 25, 26, 29, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 39, 42, 45, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 58, 59, 60, 61, 62, 64, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77 Muzik 1, 4, 5, 10, 21, 27, 46, 47, 53, 54, 62, 65, 66, 83, 84 Makyong 21, 23, 34, 40, 41, 46, 49, 69, 70, 81
<b>D</b> Dikir 5, 21, 81	<b>P</b> Pasir Mas 1, 2, 11, 12, 14, 15, 80, 90, 92 Puteri Saadong 3, 8, 9, 48, 49, 51, 52
<b>G</b> Gong 46, 51, 53, 83	<b>R</b> Rebat 10, 22, 23, 47, 51, 62, 83, 84
<b>I</b> Indonesia 50, 83	<b>S</b> Siam 8, 9, 21, 33, 34, 50, 74, 82 Serunai 5, 23, 30, 46, 53, 81, 83 Silat 5, 21, 81
<b>J</b> Jawa 50, 83	<b>T</b> Tok teri 1, 2, 3, 4, 5, 10, 11, 17, 22, 23, 24, 44, 47, 60, 63, 64, 65, 66, 81, 84, 89 Tok mindok 22, 24, 44, 47, 64, 65 Tawok 23, 45, 46, 53, 83 Tabik 24, 51, 62, 83





**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**PERJANJIAN PROJEK SEJARAH LISAN**

Saya..... Ramli bin Mahmood..... K/P:  
..... pada ..... 7 April 2017..... dengan ini  
bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti  
Teknologi MARA. Syarat-syara tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik samaada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apa ilia petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....  
Nama Pencerita

Tarikh:

r. Haji Ghazali Bin Osman  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Cawangan Kelantan

Tarikh: